

16 AUG 2002
Mahathir-PUM
TINDAKAN PUM BELA NIK AZIZ DIKESALI

KUALA TERENGGANU, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Persatuan Ulama Malaysia (PUM) bukan badan ulama yang sebenar apabila bertindak membela Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menggunakan istilah "samseng" bagi menggambarkan sifat Allah.

Perdana Menteri berkata tindakan PUM itu juga dikesali kerana ia boleh mempengaruhi sesetengah rakyat negara ini hingga menyebabkan mereka mempercayai segala yang diperkatakan oleh pemimpin Pas itu.

"Saya dulu lagi tak anggap PUM itu sebagai persatuan ulama. Saya tak tahu apa qualification (kelayakan) yang mereka mendakwa diri mereka ulama. Orang yang macam itu apabila mereka sokong benda yang bertentangan dengan Islam, dia jauh daripada menjadi ulama," katanya pada sidang media di sebuah hotel di sini hari ini sempena lawatan seharinya ke Terengganu.

Terdahulu, Perdana Menteri merasmikan konvensyen Barisan Nasional Terengganu dan majlis pemimpin bersama rakyat di Marang dekat sini.

Minggu lepas, Yang Dipertua PUM Abdul Ghani Samsuddin menyokong Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas, walaupun banyak pihak membidas Menteri Besar Kelantan itu kerana kenyataannya yang menggunakan istilah samseng bagi menggambar sifat Allah.

Dr Mahathir berkata tindakan PUM itu menyebabkan rakyat yang selama ini telah terhasut dengan dakwah Pas, menerima apa sahaja kenyataan yang dibuat oleh pemimpin parti itu.

"Kita tahu rakyat kita ini apabila telah terhasut dengan Pas, dia terima apa saja. Sampai kata Tuhan mencarut pun dia berani dan sanggup terima.

"Saya ingat kalau Nik Aziz kata macam begitu, orang semua lari daripada dia, rupanya tak. Ini yang saya hairan," katanya.

Ditanya mengenai tindakan kerajaan untuk mengatasi penyelewengan yang dibuat Pas, Perdana Menteri berkata langkah terbaik ialah memberi penjelasan sepenuhnya kepada rakyat.

Menurutnya tindakan undang-undang seperti penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tidak berkesan dan boleh menyebabkan rakyat menuduh kerajaan zalim dan kejam sekiranya mereka tidak mendapat penjelasan dan maklumat tepat.

"Kita mesti menjelaskan kepada rakyat. Yang penting kita tidak buat sesuatu yang menyebabkan rakyat fikir kita ini tidak adil atau zalim. Kalau rakyat telah faham, tindakan (undang-undang) boleh diambil dengan mudah.

"Jadi dalam keadaan begini, kita tak boleh bertindak cuma melalui undang-undang saja. Tapi kita kena beri penjelasan supaya rakyat faham kenapa sesuatu tindakan diambil," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun begitu, kerajaan sedar bahawa penjelasan itu sukar untuk diterima oleh sesetengah umat Islam kerana Pas telah berjaya mempengaruhi ramai daripada orang Melayu "sehingga bagi mereka yang putih dikatakan hitam, yang hitam dikatakan putih".

Perdana Menteri berkata usaha Radio Televisyen Malaysia (RTM) menayangkan rakaman video yang menunjukkan pembohongan pemimpin Pas adalah sebahagian daripada usaha penjelasan serta untuk mendedahkan pembohongan yang dibuat oleh pemimpin Pas semasa mereka berceramah politik.

Terdahulu, dalam ucapannya kepada rakyat Terengganu yang hadir pada majlis bersama rakyat di Marang, Perdana Menteri berkata pemimpin dan penyokong Pas termasuk PUM berdosa besar apabila sanggup mempertahankan kenyataan Nik Aziz itu.

Katanya PUM sebenarnya berpolitik dan "menjadi sebahagian daripada cawangan Pas" untuk mempengaruhi umat Islam negara ini.

"Sebab itu dia (PUM) sanggup kata kononnya Nik Aziz adalah rabbani. Bukan main lagi dinaikkan pangkat manusia yang mendakwa Tuhan mencarut, Tuhan gedebe, Tuhan samseng, Tuhan penjahat yang terbesar, orang ini dianggap oleh ulama dalam PUM sebagai rabbani.

"Nampak sudah gila betullah orang ini. Mereka patut jumpa doktor sakit otak kerana sudah lari begitu jauh daripada ajaran agama Islam," katanya.

-- BERNAMA

RAR SN MAI